

# TINGKATAN 2 (BAB 5) : KEKAYAAN EKONOMI SABAH MENARIK MINAT SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH

## PMR 1996

**Soalan 1** berdasarkan pernyataan di bawah.

Antara tahun 1885 hingga 1895 nilai eksport tembakau di Sabah telah meningkat kepada £1 juta setahun. Ladang tembakau diusahakan oleh pelabur Barat.

- 1** Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah Kompeni Berpiagam Borneo Utara menarik pelabur Barat ke negeri tersebut?
- A** Menyediakan tenaga buruh yang murah
  - B** Menawarkan tanah dengan harga yang murah
  - C** Mengenakan cukai perniagaan yang rendah
  - D** Menyediakan kemudahan pengangkutan yang baik

**(JAWAPAN B: NOTA 7bi)**

**Soalan 2** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Peristiwa
1877	Perjanjian Sultan Brunei dengan Kompeni Overbeck dan Dent.
1878	Perjanjian Sultan Sulu dengan Kompeni Overbeck dan Dent.

- 2** Berdasarkan jadual di atas, apakah kesan daripada perjanjian tersebut?
- A** Perdamaian rakyat Brunei dan Sulu dengan British
  - B** Penguasaan ekonomi Brunei oleh pihak British
  - C** Perdamaian rakyat Sabah dengan British
  - D** Penguasaan Sabah oleh pihak British

**(JAWAPAN D: NOTA 2ai)**

## PMR 1997

**Soalan 24** berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Pusat Pentadbiran
1881	Kudat
1884	Sandakan

- 24** Mengapakah Syarikat Borneo Utara British menukarkan pusat pentadbiran dari Kudat ke Sandakan?
- A** Keadaan geografinya yang tidak sesuai untuk pertanian
  - B** Kawasan yang sempit dan tidak membangun
  - C** Kawasan yang sering berlaku banjir dan bencana alam
  - D** Keselamatan yang tidak terjamin
- (JAWAPAN A: NOTA 7e iii)**

## PMR 1998

**Soalan 3** berdasarkan senarai di bawah.

- Syarikat Berpiagam Borneo Utara tidak boleh menjual wilayah Sabah tanpa persetujuan kerajaan British.
- Hubungan luar Sabah diletakkan di bawah kuasa kerajaan British.

- 3** Senarai di atas adalah sebahagian daripada syarat yang ditetapkan oleh kerajaan British kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU).  
Mengapakah kerajaan British berbuat demikian?
- A** Untuk mengawal perdagangan di Sabah
  - B** Untuk melindungi kebajikan penduduk Sabah
  - C** Untuk meluaskan kuasanya di Sabah
  - D** Untuk menjaga kepentingan SBBU
- (JAWAPAN C: NOTA 2c, 2di)**

- 4** Antara berikut, yang manakah hasil hutan yang menjadi sumber kekayaan Sabah pada penghujung kurun ke-19?

- I Rotan
- II Balak
- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- III Damar
- IV Abaka
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 6b iii)

**PMR 1999 P18Nd(i)**


5 Kesan daripada penubuhan Syarikat Berpiagam Borneo Utara ke atas Sabah pada tahun 1881 ialah

- A perluasan pengaruh British
- B kemajuan kawasan pedalaman
- C keberkesanan sistem pentadbiran
- D pengurangan pengaruh Kesultanan Sulu

(JAWAPAN A: NOTA 2di)

**PMR 2001**

Soalan 7 berdasarkan rajah di bawah.



Seperti no 5

7 Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada rajah di atas?

- A Perluasan pengaruh British di Sabah
- B Penentuan corak pentadbiran Sabah
- C Perlindungan ke atas kedaulatan Sabah
- D Pemeliharaan kepentingan penduduk Sabah

(JAWAPAN A: NOTA 2c+2d)

Kawasan kekuasaan Kesultanan Sulu di Sabah ialah dari Sungai Padasan hingga ke Sungai Sibuku.

13 Bagaimanakah Sultan Sulu memperoleh kawasan tersebut daripada Kesultanan Brunei?

- A Peluasan kuasa
- B Pembayaran ufti
- C Pemberian hadiah
- D Pertukaran wilayah

(JAWAPAN C: NOTA 1d)

**PMR 2002**

8 Apakah tugas Hakim Mahkamah Anak Negeri semasa pemerintahan Syarikat Borneo Utara British di Sabah pada kurun ke-19?

- I Mengendalikan kes sivil
- II Mengendalikan undang-undang Barat
- III Mengendalikan hal ehwal masyarakat tempatan
- IV Mengendalikan hukum adat / syariah

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 4b)

**PMR 2003**

Soalan 9 berdasarkan maklumat di bawah.

Pada tahun 1881, kerajaan British telah memberi piagam diraja kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad.

Seperti no 5

9 Apakah kesan daripada tindakan tersebut terhadap Sabah?

- A Perluasan pengaruh British
- B Pentadbiran diketuai Majlis Penasihat
- C Ekonomi tradisional kurang sambutan
- D Monopoli perdagangan diperkenalkan

(JAWAPAN A: NOTA 2di)

Seperti no 8

10 Apakah peranan Mahkamah Anak Negeri semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British?

- A Membicarakan kes bunuh
- B Menggubal undang-undang negeri
- C Mengendalikan hukum adat dan syariah
- D Membantu pegawai daerah dalam pentadbiran

(JAWAPAN C: NOTA 4b)

Soalan 11 berdasarkan maklumat di bawah.

Rangkaian landasan kereta api telah dibina di Sabah sejak tahun 1896.

11 Apakah kesan daripada pembinaan landasan tersebut?

- A Pengangkutan tradisional diabaikan
- B Pengurangan hasil eksport tradisional
- C Pembukaan tanah baru untuk pertanian
- D Penghijrahan penduduk ke kawasan bandar

(JAWAPAN C: NOTA 6c)

**PMR 2004**

20 Mengapakah Syarikat Borneo Utara British menerapkan pemimpin tempatan dalam pentadbiran negeri?

- A Menjaga kebaikan penduduk
- B Memberi latihan kepegawain
- C Menampung kekurangan pegawai
- D Menyediakan ke arah berkerajaan sendiri

(JAWAPAN C: NOTA 5a i)

**PMR 2005**

25 Apakah kesan penggunaan mata wang yang diperkenalkan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada tahun 1882?

- I Menambah pelaburan
- II Meninggikan taraf hidup peribumi
- III Memudahkan kegiatan perdagangan
- IV Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman tradisional

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 6d)

26 Apakah kepentingan Piagam Diraja yang dianugerahkan oleh kerajaan British kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah?

- A Menubuhkan kerajaan
- B Menjamin keselamatan
- C Mendapat kuasa mentadbir
- D Menambah modal perniagaan

(JAWAPAN B: NOTA 2bii)

**PMR 2006**

28 Apakah tugas Ketua Anak Negeri dalam pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah?

- A Menjaga kebajikan buruh
- B Mentadbir jabatan kerajaan
- C Menjamin keamanan rakyat
- D Menyelaras bidang pendidikan

(JAWAPAN C: NOTA 10b iv)

**PMR 2007**

Pelaksanaan Undang-undang di Sabah		
Mahkamah	Bidang Kuasa	Hakim
Mahkamah Majistret	Mengendalikan kes berat	Pegawai Daerah
Mahkamah Anak Negeri	Mengendalikan kes adat	X

27 X dalam jadual di atas ialah

- A Residen
- B Gabenor
- C Ketua Kampung
- D Ketua Anak Negeri

(JAWAPAN D: NOTA 4b)

Penduduk tempatan : Saya telah lulus sekolah latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri.  
 Pegawai British : Jika begitu kamu boleh diserap dalam pentadbiran Syarikat Borneo Utara British.

28 Dialog di atas mungkin berlaku di Sabah pada awal kurun ke-20.

Apakah jawatan yang layak untuk lulusan sekolah tersebut?

- I Pegawai Daerah
- II Residen
- III Kerani
- IV Renjer
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 7d)

**PMR 2008**

Seperti 2004 N20

28 Mengapakah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) melantik tokoh tempatan berikut untuk memegang jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah?

Tokoh Tempatan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• O.K.K. Pangeran Haji Omar</li> <li>• O.K.K. Haji Mohamad Arshad</li> <li>• O.K.K. Pangeran Mohamad Abbas</li> </ul>

- A Memenuhi tuntutan penduduk
- B Memberi latihan kepimpinan
- C Mengiktiraf pemimpin tempatan
- D Menjimatkan perbelanjaan pengurusan

(JAWAPAN D: NOTA 5a i+ii)

29 Peta 2 menunjukkan bandar utama di Sabah.



Peta 2

Apakah faktor yang membantu perkembangan bandar tersebut semasa di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British?

- A Kawasan perikanan
- B Pangkalan tentera
- C Pusat pendidikan
- D Pusat pentadbiran

(JAWAPAN D: NOTA 7e)

**PMR 2009**

28 Siapakah pemimpin Sabah yang menerima gelaran berikut?

Orang Kaya-Kaya
-----------------

- A Ketua Hakim
- B Ketua Jabatan
- C Ketua Kampung
- D Ketua Anak Negeri

Seperti 2005 no 26

29 Pada tahun 1881, Piagam Diraja British telah dianugerahkan kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British.

Apakah kepentingan Piagam Diraja British kepada persatuan tersebut?

- I Memajukan perniagaan
- II Mengukuhkan kedudukan
- III Menetapkan sempadan negeri
- IV Memperoleh bantuan ketenteraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 2b)

30 Senarai berikut merupakan usaha Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk meningkatkan pengeluaran dagangan di Sabah

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina landasan kereta api</li> <li>• Memberi empat peratus dividen</li> </ul> |
|--|

Apakah tanaman dagangan yang dimaksudkan?

- A Lada hitam
- B Tembakau
- C Kelapa
- D Getah

(JAWAPAN D: NOTA 6c iv)

**PMR 2010**

Seperti 2003 no 10

26 Perkara berikut terletak dalam bidang kuasa sebuah mahkamah di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Adat istiadat</li> <li>• Agama Islam</li> </ul> |
|--|

Apakah mahkamah tersebut?

- A Mahkamah Syariah
- B Mahkamah Majistret
- C Mahkamah Penghulu
- D Mahkamah Anak Negeri

(JAWAPAN D: NOTA 4b)

Seperti 2008 no 28

27 Senarai berikut adalah jawatan yang wujud di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

- Ketua Kampung
- Ketua Anak Negeri
- Timbalan Penolong Pegawai Daerah

Mengapakah SBUB melantik penduduk tempatan untuk memegang jawatan tersebut?

- A Mengawal pendidikan peringkat rendah
- B Mengawal sumber hasil negeri
- C Mengatasi masalah kewangan
- D Memupuk perpaduan kaum

(JAWAPAN C: NOTA 5a i+ii)

### PMR 2011

28 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah bandar di Sabah.

- Diasaskan oleh William Pryer
- Pernah diberi nama Elopura
- Memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran, pelabuhan antarabangsa dan pusat pembalakan

Apakah bandar tersebut?

- A Kudat
- B Jesselton
- C Sandakan
- D Lahad Datu

(JAWAPAN C: NOTA 7e ii)

Seperti 2008 no 28, 2010 no 27

29 Syarikat Borneo Utara British (SBUB) telah melantik tokoh tempatan berikut untuk memegang jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah.

### Tokoh Tempatan

- O.K.K. Pangeran Haji Omar
- O.K.K. Haji Mohammad Arshad
- O.K.K Pangeran Mohammad Abas

Mengapakah SBUB bertindak demikian?

- A Memenuhi tuntutan penduduk
- B Memberi latihan kepimpinan
- C Mengiktiraf pemimpin tempatan
- D Menjimatkan perbelanjaan pengurusan

(JAWAPAN D: NOTA 5a i)